

11 MAY 1997

Ting-Cukai

LEBIH KUASA KEPADA KERAJAAN NEGERI UNTUK KECEUALIKAN CUKAI PINTU

IPOH, 11 Mei (Bernama) -- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bercadang memberi kuasa kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi membolehkan lebih banyak jenis harta dikecualian cukai pintu berbanding empat kategori harta sahaja yang dibenarkan sekarang.

Menterinya, Datuk Dr Ting Chew Peh berkata, Kementerian sedang mengkaji perkara itu yang antara lain membabitkan rundingan dan pandangan Kerajaan-kerajaan Negeri dan maklum balas orang awam.

Kabinet pada mesyuarat lepas membincangkan pandangan sesetengah pihak supaya pengecualian cukai taksiran itu diperluaskan dan mengarahkan Kementerian menjalankan kajian mengenainya, katanya kepada pemberita selepas melepaskan peserta acara merentas desa anjuran Rukun Tertangga Gunung Rapat di sini, hari ini.

Ting mengakui pelaksanaannya agak sukar kerana pemilik harta dijangka akan menggunakan pelbagai alasan untuk meminta harta-harta mereka dikecualikan cukai.

Ting berkata mengikut Seksyen 134 Akta Kerajaan Tempatan 1976, empat kategori harta sahaja yang dikecualikan daripada bayaran cukai taksiran iaitu tempat-tempat awam yang digunakan untuk tujuan sembahyang, tanah perkuburan, sekolah awam dan bagi tujuan kebajikan termasuk yang digunakan untuk tujuan sains, sastera dan seni.

Kerajaan-kerajaan Negeri pada masa ini mempunyai kuasa menetapkan peratusan kadar cukai taksiran terhadap semua harta dalam kawasan pihak berkuasa tempatan berdasarkan nilai harta semasa dan lokasinya, kata beliau.

Bagaimanapun katanya, Kementerian akan mengkaji pro dan kontra cadangan pelaksanaan itu sebelum menyerahkan laporan kepada Kabinet untuk ulasan dan kelulusan.

Mengenai teguran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tidak berpuas hati terhadap tahap kebersihan di negara ini, Ting berkata, Kementerian akan mengarahkan pihak berkuasa tempatan memperbaiki keadaan.

Ting berkata, pada keseluruhannya kebersihan di kawasan pihak berkuasa tempatan kini bertambah baik sejak program Bersih Dan Indah dilancarkan oleh Dr Mahathir di sini pada 1990.

Melalui program itu, pihak berkuasa tempatan menggunakan pelbagai cara untuk membersihkan dan mengindahkan kawasan pentadbiran, kata beliau.

Beliau berkata, selain itu Kementerian juga sudah menganjurkan pertandingan tandas terbersih yang bertujuan memastikan kebersihan tandas-tandas awam, restoran dan tandas di kompleks-kompleks penjaja di seluruh negara. -- BERNAMA

LAT PR